



UNIVERSITI
BRUNEI DARUSSALAM

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
JALAN TUNGKU LINK GADONG BE 1410
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TENDER : UBD/E8/015/2023 – [T]

FOR

**TAWARAN BAGI PENYEWAAN UNIT-UNIT RUANG ‘FOOD COURT’
DI BANGUNAN HAL EHWAH PELAJAR,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM [BAGI TEMPOH 3 TAHUN]**

Advertise Dates

**: 25TH SEPTEMBER 2023 (MONDAY)
27TH SEPTEMBER 2023 (WEDNESDAY)**

Closing Date

**: 10TH OCTOBER 2023 (TUESDAY)
2.00 P.M.**

Tender Fee

: BND \$ 15.00

Submission

**: PENGERUSI
JAWATANKUASA TAWARAN TABUNG
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
JALAN TUNGKU LINK BE1410
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PERINGATAN

- [1] Harga barang-barang yang dimasukkan dalam borang tawaran hendaklah termasuk perbelanjaan menghantar alat-alat dan keperluan-keperluan tersebut ke Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, Gadong BE 1410, Negara Brunei Darussalam.
- [2] Tiap-tiap satu harga barang-barang yang dimasukkan dalam borang tawaran hendaklah juga termasuk harga C.I.F. dan cukai kastam [custom duty].
- [3] Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan **Tax Compliance** yang masih sah (bagi syarikat yang berdaftar di bawah "Sdn Bhd") hendaklah disertakan bersama.

[Bab 16 dan Bab 17]

- [4] Semua barang-barang yang akan dibekalkan di Universiti Brunei Darussalam, pihak syarikat hendaklah menyatakan **tempoh sahlaku tawaran, tempoh pembekalan, tempoh waranti** dan **lain-lain borang yang perlu diisikan** seperti borang yang dilampirkan bersama tawaran berkenaan. Kegagalan pihak syarikat dalam menyatakan butiran dalam mengikuti sebarang tawaran berkenaan akan dikira ditolak [disqualified].
- [5] Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang, jika tidak permohonan tawaran ini tidak akan diterima dalam senarai tawaran.
- [6] Sila alamatkan kepada:

**PENGERUSI,
JAWATANKUASA TAWARAN TABUNG,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM,
JALAN TUNGKU LINK BE1410,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**



UNIVERSITI
BRUNEI DARUSSALAM

Tajuk Tawaran:

TAWARAN BAGI PENYEWAAN UNIT-UNIT RUANG 'FOOD COURT'
DI BANGUNAN HAL EHWAH PELAJAR,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM [BAGI TEMPOH 3 TAHUN]

Bilangan Tawaran:

UBD/E8/015/2023 – (T)

Lokasi : Tingkat Bawah, Pusat Staf-Pelajar, Universiti Brunei Darussalam

Jumlah Unit yang Ditawarkan : Satu (1) Unit di KAUNTER 4

Bidang Perniagaan : Perkhidmatan Penyajian Makanan Pelbagai Jenis Masakan seperti Masakan Segera/ *Fastfood*, *Pizza & Pasta*, Bersalai/ Grill, Cafe', Mee dan Nasi, Masakan ala India dan Minuman

Kadar Bayaran Sewa Bulanan : a) Pengunaan Api Elektrik – BND 300.00/ sebulan
b) Pengunaan Air – BND 20.00/ sebulan
c) Perkhidmatan Pembuangan Sampah – BND 25.00/ sebulan

Tempoh Penyewaan: Tiga (3) Tahun

Dokumen Tawaran : Boleh diperolehi daripada Pejabat Bendahari, Tingkat Bawah, Bangunan Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran: 10 Oktober 2023 (Selasa)

Yuran Dokumen: B\$ 15.00 (Lima Belas Ringgit) dan tidak akan dikembalikan kepada penawar.

Tempat /Waktu Pembayaran : Pembayaran hendaklah dibuat semasa mengambil borang Tawaran di Pejabat Bendahari, Universiti Brunei Darussalam pada waktu pejabat.

Syarat-Syarat Tawaran:

1. Pemohon-pemohon atau Pengusaha-Pengusaha hendaklah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.
2. Yuran dokumen yang dikenakan adalah sebanyak \$ 15.00 dan tidak akan dikembalikan kepada pemohon-pemohon.
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis **TAJUK** atau **BILANGAN TAWARAN** seperintama yang diiklankan serta **TARIKH TUTUP TAWARAN** itu, tanpa menunjukkan identiti pemberong dan ditujukan kepada:

**PENGERUSI
JAWATANKUASA TAWARAN TABUNG
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
JALAN TUNGKU LINK BE1410
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

4. Pengusaha-pengusaha yang menghantar tawaran adalah dikehendaki menghantar dokumen tawaran dalam **dua (2) salinan berserta dengan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan, Sijil Halal yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei** dan juga senarai jenis-jenis masakan dan hidangan berserta dengan harganya sekali.
5. Barang-Barang yang dibenarkan dijual adalah halal mengikut hukum Islam dan lain-lain jenis makanan yang akan dijual mestilah dinyatakan juga.
6. Pengalaman-pengalaman dalam menguruskan kedai/restoran jika ada, hendaklah disertakan.
7. Tawaran adalah untuk tempoh tiga (3) tahun dari tarikh perjanjian ditandatangani.
8. Segala alat-alat perkakas yang diperlukan seperti tong gas, peti sejuk/freezer dan alat-alat dapur hendaklah disediakan oleh pengusaha sendiri.
9. Pengusaha yang berjaya adalah dikehendaki untuk membayar dua bulan sewa sebagai wang taruhan sebelum menandatangani kontrak perjanjian dan dibenarkan memulakan perniagaan.
10. Pengusaha yang gagal memulakan operasi perniagaan pada tarikh yang dipersetujui diantara pihak UBD dan pihak pengusaha sendiri, bayaran sewa tetap akan dikenakan daripada tarikh yang dipersetujui.
11. Universiti Brunei Darussalam (atau Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam) tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran.

PERATURAN-PERATURAN BAGI PENGENDALIAN UNIT-UNIT
'FOOD COURT' UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PENGENALAN

1. Tujuan:
 - (i) Bagi menyediakan perkhidmatan kantin yang menawarkan pelbagai jenis makanan dan minuman untuk pilihan pelanggan.
 - (ii) Bagi memudahkan kawalan kualiti (quality control) dari segi hidangan, kebersihan dan perkhidmatan.
 - (iii) Bagi memberikan peluang perniagaan terutama kepada peniaga-peniaga kecil dan sederhana (SME);
 - (iv) Bagi menyediakan suasana kantin yang sebanding dengan kafeteria di kampus-kampus universiti di luar negeri, di mana dewan makan dijadikan sebagai komuniti kehidupan dan juga pembelajaran warga kampus.
2. Tawaran adalah dibukakan bagi jenis-jenis hidangan yang dicadangkan bagi setiap unit mengikut kategori berikut:

<u>Unit</u>	<u>No. Kaunter</u>	<u>Jenis Hidangan</u>	<u>Keluasan (meter persegi)</u>
1	Kaunter No. 4	Masakan Segera/ Fastfood, Pizza & Pasta, Bersalai/ Grill, Cafe', Mee dan Nasi, Masakan ala India dan Minuman	34.65

3. Setiap unit adalah juga dibenarkan untuk menjual minuman panas dan sejuk.

(A) TEMPOH PERKHIDMATAN

1. Tempoh perkhidmatan setiap Unit ialah 3 tahun.
2. Jika sekiranya atas sebab-sebab tertentu pihak pengusaha tidak berkesanggupan untuk meneruskan tempoh tersebut di atas maka pihak pengusaha hendaklah memberi notis 6 bulan.
3. Pihak Universiti berhak menamatkan perkhidmatan sesebuah unit yang didapati perkhidmatannya kurang memuaskan setelah diberi teguran dan amaran.

(B) KADAR BAYARAN SEWA

1. Kadar bayaran sewa minima bulanan bagi setiap unit ialah \$30.00 satu meter persegi atau \$800.00 bagi 34.00 meter persegi.
2. Bayaran sewa bulanan adalah termasuk pembayaran bagi api letrik, air dan perkhidmatan pemungutan sampah.
3. Pengusaha yang berjaya akan dikenakan bayaran sewa dua bulan sebagai wang taruhan semasa menerima tawaran.

- Pengusaha mestilah menjelaskan sewa bulanan pada tiap-tiap awal bulan berikutnya termasuk pada bulan Ramadan dan cuti semester (Jun, Julai dan Disember) di mana sewa bulanan adalah separuh bayaran.
- Pengusaha-pengusaha yang gagal membayar sewa tiga bulan berturut-turut akan ditamatkan perkhidmatannya setelah diberi amaran. Ini adalah untuk memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha lain.
- Waktu perniagaan hendaklah mengikut masa yang ditetapkan oleh pihak Universiti iaitu dari jam 6.00 pagi hingga 5.00 petang.

(C) PENGUSAHA DAN KAKITANGAN

- Pengusaha hendaklah terdiri dari Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap.
- Pengusaha dan Tukang Masak mestilah beragama Islam.
- Pengusaha hendaklah mempastikan kakitangannya adalah dilindungi oleh pampasan insuran mengikut Akta Buruh dan Imigresen.
- Pengusaha dan Kakitangan termasuk Tukang Masak hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan badan dan seterusnya mendapat sijil kesihatan dari Doktor Kerajaan dan membaharui sijil suntikan seperti berikut:

KOLERA	-	6 BULAN SEKALI
TIPUS	-	1 TAHUN
CACAR	-	3 TAHUN SEKALI

- Pengusaha dan kakitangan hendaklah mempunyai 'sijil pengendalian makanan' yang masih sah.
- Pengusaha adalah dikehendaki mematuhi '*guidelines on mass catering*' yang dikeluarkan Bahagian Kawalan Kualiti & Keselamatan Makanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan.
- Pengusaha mestilah mempunyai lesen rampaian yang sah bagi tujuan pengendalian kantin atau gerai makan dan hendaklah dipamirkan di tempat yang mudah dilihat dalam unit masing-masing.
- Pengusaha mestilah mempunyai kakitangan/pekerja yang mencukupi.
- Pengusaha adalah bertanggungjawab untuk menyediakan seorang pekerja khusus untuk mengangkat dan membersihkan peralatan makan/minum yang sudah digunakan oleh pelanggan.
- Pengusaha adalah bertanggungjawab untuk menyediakan tukang wang (cashier) di unit masing-masing.
- Semua kakitangan/pekerja hendaklah memakai pakaian yang kemas dan bersih. Pakaian seragam bagi kakitangan/pekerja adalah digalakkan.
- Waktu perniagaan hendaklah mengikut yang ditetapkan oleh pihak Universiti.

(D) KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN

1. Pengusaha hanya dibolehkan bermiaga di unit masing-masing.
2. Tempat bermiaga dan persekitarannya hendaklah dijaga dengan baik, kemas dan sentiasa dalam keadaan bersih.
3. Barang-Barang yang dijual hendaklah dipastikan berkeadaan segar, baik dan bersih.
4. Barang-barang makanan dan minuman yang dibenarkan dijual adalah mengikut kategori yang ditetapkan bagi setiap unit dan mestilah halal mengikut hukum syarak.
5. Pengusaha bertanggungjawab terhadap penyediaan papan tanda perniagaan termasuk menu makanan dan minuman dengan harganya sekali.
6. Dalam menentukan harga makanan dan minuman, pengusaha hendaklah mengambilkira bahawa kebanyakan pelanggan-pelanggan adalah terdiri daripada pelajar-pelajar.
7. Pengusaha adalah bertanggungjawab bagi menyediakan peralatan makan/minum, peralatan memasak termasuk dapur dan tong gas, peti sejuk, *freezer* dan lain-lain keperluan di unit masing-masing.
8. Pengusaha adalah bertanggungjawab di atas kerosakan dan kehilangan yang berlaku ke atas perkakas dan kemudahan di unit masing-masing.
9. Pemeliharaan ke atas saluran *sink* di unit masing-masing adalah di bawah jagaan pengusaha dan hendaklah dilaksanakan secara harian.

(E) TANGGUNGJAWAB UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

1. Menyediakan tempat memasak, mencuci, ruangan bagi menyimpan peti sejuk/*freezer* dan kerusi meja di dewan makan.
2. Menyediakan pembersih bagi membersihkan meja-meja dan lantai di kawasan dewan makan sahaja.

PERINGATAN

- [1] Harga barang-barang yang dimasukkan dalam borang tawaran hendaklah termasuk perbelanjaan menghantar alat-alat dan keperluan-keperluan tersebut ke Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, Gadong BE 1410, Negara Brunei Darussalam.
- [2] Tiap-tiap satu harga barang-barang yang dimasukkan dalam borang tawaran hendaklah juga termasuk harga C.I.F. dan cukai kastam [custom duty].
- [3] Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama. [**Bab 16 dan Bab 17**] , **Tax Compliance** yang masih sah (bagi syarikat yang berdaftar di bawah "Sdn Bhd"), dan Salinan Sijil Halal yang sah hendaklah juga disertakan bersama.
- [4] Semua barang-barang yang akan dibekalkan di Universiti Brunei Darussalam, pihak syarikat hendaklah menyatakan tempoh sahlaku tawaran, tempoh pembekalan, tempoh waranti dan lain-lain borang yang perlu diisikan seperti borang yang dilampirkan bersama tawaran berkenaan. Kegagalan pihak syarikat dalam menyatakan butiran dalam mengikuti sebarang tawaran berkenaan akan dikira ditolak [disqualified].
- [5] Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang, jika tidak permohonan tawaran ini tidak akan diterima dalam senarai tawaran.
- [6] Sila alamatkan kepada:

**PENGURUSI
JAWATANKUASA TAWARAN TABUNG
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
JALAN TUNGKU LINK BE1410
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**